

Serdang: Bukan semua orang yang sanggup berpanas terik dan bergelumang dengan kekotoran serta bau busuk di reban ayam, namun tidak bagi Muhammad Syafiq Manja demi minatnya dalam perniagaan ayam kampung.

Mengusahakan perniagaan ayam kampung secara kecil-kecilan di FELDA Serting Hilir, Jempol, Negeri Sembilan, Muhammad Syafiq berusaha memenuhi impianinya sebagai usahawan ayam kampung berjaya dengan menyertai Program Inkubasi Usahawan Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Ilmu dan kemahiran yang ada belum cukup untuk saya mengembangkan perniagaan sedia ada, justeru apabila melihat iklan program yang ditawarkan UPM, saya mencuba dan alhamdulillah terpilih sebagai salah seorang peserta.

"Pengisian program ini cukup signifikan kerana setiap peserta bukan saja didedahkan dengan ilmu teori, malah lengkap dengan bimbingan tenaga pakar pertanian dan sokongan modal pinjaman bagi memulakan perniagaan," katanya.

Bermutu

Pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan Kolej Risda-UPM itu berkata, modal digunakan bagi membeli keperluan asas ternakan ayam kampung termasuk 1,200 anak ayam kampung, makanan dan ubatan.

Dibantu enam rakan lain, Muhammad Syafiq memulakan ternakannya di tiga reban Ladang 10 milik UPM sejak dua bulan lalu dengan memanfaatkan segala pengetahuan diperoleh bagi mengurus dan menjaga ternakan sebaik mungkin.

"Ayam kampung mempunyai nilai yang tinggi di pasaran kerana bebas antibiotik, rendah lemak dan kolesterol menyebabkan ayam ini mendapat permintaan tinggi daripada hampir semua peniaga tempatan.

"Permintaan dan status ayam kampung sebagai menu pilihan yang berkhasiat menjadikan ia ternakan pilihan terbaik untuk diusahakan," katanya.

Katanya, setiap reban boleh memuatkan kira-kira 400 ekor

Penternak ayam kampung



ayam kampung dan perlu dilengkapi bekalan elektrik dan air, peralatan seperti bekas makanan, minuman, gas, brooder, mentol dan kanvas selain kawasan lepas berpagar.

Penjagaan rapi

Beliau berkata, setiap peserta memulakan tugas seawal jam 7 pagi hingga 7 malam bagi mengurus dan menjaga ternakan termasuk memberi makan memantau perkembangan tumbesaran dan kesihatan.

“Cabaran mengusahakan ternakan ini ialah penyakit gomoro yang boleh menyebabkan kematian selain serangan musuh seperti biawak dan monyet. Bagi menanganinya, suntikan vaksin diberikan setiap minggu selama sebulan bagi mencegah penyakit itu selain memasang perangkap bagi mengelak serangan musuh.

“Dari segi makanan, merangkumi 70 peratus kos keseluruhan ternakan kerana ayam diberi makan sebanyak tiga kali sehari iaitu starter, finisher dan sisa makanan,” katanya.

Muhammad Syafiq menjangkakan ayam kampung yang diusahakannya dapat dijual sebagai ayam proses segar apabila mencapai berat antara 1.3 hingga 1.5 kilogram (kg).

Ketika ini, katanya, harga pasaran bagi setiap kg ayam kampung ialah RM14 dan beliau yakin dengan keupayaan pasukannya meraih keuntungan hasil jualan ayam kampung yang akan dipasarkan sekitar Selangor.

Teruja dengan usaha yang dilakukannya, Muhammad Syafiq mengakui kepentingan amalan sistem penjagaan yang baik, bersih dan sistematik bagi memastikan ternakan berjaya selain berkongsi pengetahuan berkaitan ubat dan teknik dengan rakan penternak lain.

NFO



Petua kejayaan ternakan ayam kampung

- Amalan sistem penjagaan bersih dan sistematik
- Tidak lokek membeli ubat-ubatan dan vitamin
- Sering berkongsi ilmu dengan rakan penternak.
- Rajin bertanya dan berurusan dengan jabatan dan agensi berkaitan
- Semangat mesti tinggi, kental dan sabar

